# Arkitek Kota
## (SN Muhammad Hj Salleh)

## Maksud

**Rangkap 1**
Kawasan kota sepatutnya dibangunkan oleh golongan yang benar-benar bertanggungjawab. Mereka merupakan golongan yang arif dan banyak pengetahuan tentang selok belok dan keadaan serta keperluan semasa kota yang hendak dibangunkan.

**Rangkap 2**
Hal ini demikian kerana, mereka merupakan penghuni yang mendiaminya. Banyak kajian dibuat dan mengambil kira pandangan dan kepentingan pelbagai pihak yang menghuni kota tersebut.

**Rangkap 3**
Perancang kota juga seharusnya seorang yang mencintai alam sekitar. Kehidupan flora dan fauna perlu dipelihara. Keindahan alam semula jadi perlu dipertahankan malah perlu diperindah dengan landskap yang mempesona.

**Rangkap 4**
Orang yang membina kota merupakan generasi muda yang bukan sahaja luas ilmu pengetahuannya malah sarat dengan idea-idea yang bernas.

## Tema

Keperluan pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan pembangunan di kota.

## Persoalan

1. Persoalan keprihatinan penting dalam memahami sesuatu keadaan.Nilai ini penting supaya sesuatu keadaan dapat difahami.

2. Persoalan pembangunan kota perlu dilihat daripada pelbagai aspek. Pembangunan kota perlu dilihat menerusi pelbagai sudut.

3. Persoalan kepentingan menjaga alam sekitar.Alam sekitar perlu dijaga.

4. Persoalan generasi muda memiliki pelbagai idea bernas.Golongan ini mempunyai idea-idea baru yang bernas.

## Bentuk

1. Bentuk bebas

2. Jumlah rangkap - 4 rangkap
   - Rangkap 1 - 7 baris ayat
   - Rangkap 2 - 6 baris ayat
   - Rangkap 3 - 5 baris ayat
   - Rangkap 4 - 2 baris ayat

3. Rima akhir setiap rangkap
   - Rangkap 1 – abacdea
   - Rangkap 2 – aabcdd
   - Rangkap 3 – abcad
   - Rangkap 4 – ab

## Nada

Sinis

## Gaya Bahasa

1. Ayatnya pendek-pendek
   Contohnya : perasaan musim

2. Diksi – mudah difahami
   Contohnya : pemerhati tasik

3. Aliterasi – perulangan konsonan’p’
   Contohnya : **p**erenung di **p**er**p**ustakaan

4. Asonansi – perulangan vokal ’i’
   Contohnya : f**ii**l lang**i**t dan sabar bum**i**

5. Kata ganda
   Contohnya : berbagai-bagai

6. Metafora
   Contohnya : jiwa laut,diam batu, perasaan musim

7. Perlambangan
Contohnya ; pengadil, pemancing, pengawas, pendekar

## Nilai

1. Nilai cintakan  alam sekitar. Alam sekitar perlu disayangi.

2. Nilai bertoleransi. Nilai ini penting dalam menjalani kehidupan seharian.terutama di kota.

3. Nilai bertanggungjawab Bertanggungjawab menjaga keindahan alam sekitar. .

4. Nilai bijaksana dalam membuat keputusan Kebijaksanaan penting apabila membuat keputusan.

5. Nilai rasional dalam semua aspek.Kerasionalan penting dalam semua aspek.

## Pengajaran

1. Kita hendaklah mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas semasa merancang pembangunan.

2. Kita  hendaklah mengambil kira kepentingan rakyat ketika membangunkan negara..

3. Kita perlulah membuat pertimbangan yang bijaksana  sebelum membuat  keputusan.

4. Kita hendaklah  memikirkan bencana alam yang mungkin timbul akibat pembangunan kota..

5. Kita hendaklah menjadi perancang yang baik yang  mempunyai pelbagai idea bernas dan alternatif.

## Latihan

1. Nyatakan bilangan kata dan barisan yang terpanjang dalam rangkap sajak ini.
   **Jawapan**:
   bilangan kata terpanjang ialah 7–
   Contohnya ;. kerana arkitek matang itu anak di taman/ Orang muda pulang bertandang di lorong malam

2. Apakah jenis gaya bahasa bagi rangkai kata berikut?
   Sabar bumi, fill langit, bangku bijaksana
   **Jawapan**:
   metafora